

26 JUL 2001

Sukan-Olahraga (Terbuka Malaysia)

HANYA DUA REKOD PADA HARI PERTAMA KEJOHANAN

MELAKA, 26 Julai (Bernama) -- Stadium Bukit Serindit yang serba baru gagal menghasilkan kemeriahan pada hari pertama Kejohanan Olahraga Terbuka Malaysia ke-79 di sini hari ini.

Apabila kejohanan menutup tirai hari pembukaan, hanya satu rekod kejohanan dan satu rekod kebangsaan dihasilkan iaitu rekod lontar peluru wanita oleh peserta Thailand Juthaporn Krasaeyan dan rekod kebangsaan bagi acara lontar tukul besi wanita yang dicatatkan oleh Siti Suhaida Abdullah dari Pahang.

Kejohanan yang dijangka akan menyaksikan pertembungan sengit berkesudahan dengan hambar apabila para atlit kebangsaan memberikan persembahan kurang memberangsangkan.

Sepatutnya venue itu menjadi gelanggang mereka untuk berusaha habis-habisan bagi mendapatkan tempat dalam kontinjen negara ke Sukan SEA pada September ini.

Peserta harapan Thailand bagi pingat emas Sukan SEA, Jutaphorn memberi sedikit sinaran apabila mencipta rekod baru kejohanan dalam acara lontar peluru wanita dengan lontaran sejauh 16.85m, mengatasi rekod 16.08m oleh peserta China, Luan Zhili of China di Kangar pada 1996.

Lontaran terbaik beliau ialah 17.25m yang merupakan rekod Sukan SEA yang dicatatkan di Jakarta pada 1997.

Tempat kedua dimenangi peserta Korea Selatan, Cho Jin Sook dengan jarak lontaran 15.61s manakala juara kebangsaan Rosazlina Mustafa dari Perlis di tempat ketiga dengan 11.97m.

Siti Suhaidah pula membaiki rekod kebangsaan miliknya bagi acara lontar peluru wanita. Dia mencatatkan lontaran 46.99m untuk mengatasi rekod lama 44.03m yang dilakukan di Pulau Pinang tahun lalu.

Bagaimanapun Suhaidah gagal memenangi acara itu kerana Yusita Ariyani dari Indonesia mencatatkan jarak lebih baik 47.23m untuk muncul juara. Rosazlina Mustafa dari Perlis di tempat ketiga dengan lontaran 42.17m.

Acara utama pada hari pertama adalah acara larian 100m lelaki yang menyaksikan penyertaan semua pelari pecut terbaik kebangsaan.

Bagaimanapun mereka gagal memberikan persembahan baik apabila kesemuanya tidak berjaya melepasi masa kelayakan Sukan SEA.

Namun, kekalahan juara kebangsaan dan peserta favourite Watson Nyambek dari Sarawak di tangan peserta Selangor, Hamberi Mahat mencetuskan sedikit keghairahan bagi acara itu.

Satu lagi kejutan oleh atlit kebangsaan ialah apabila pelari jarak jauh M. Ramachandran tumpas dalam acara kegemarannya iaitu 10,000m lelaki. Beliau menduduki tempat kelima dengan catatan masa lembab 31:30.47s.

Juara empat kali Sukan SEA bagaimanapun tidak memberikan alasan ketegangan otot sebagai punca kekalahan yang menjadi alasan kebanyakan atlit negara pada hari ini.

"Ini sahajakah yang dapat ditunjukkan oleh para atlit...mereka telah bersedia untuk kejohanan ini dan tidak sabar untuk memberikan persembahan baik tetapi jelas hasilnya kurang memuaskan," kata pengerusi jawatankuasa jurulatih Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia Kamaruddin Maidin.

Acara akhir yang lain adalah rejam lembing lelaki yang dimenangi peserta veteran Yazid Imran dari Selangor yang mencatatkan jarak 63.06m.

Dalam acara lompat jauh, wakil Thailand Nattapon Namkunha merangkul pingat emas dengan lompatan 7.68m, peserta tempatan Abdul Malik Tobias hanya mendapat tempat ketiga dengan 7.32m manakala Satish Kumar dari India

di tempat kedua dengan 7.56m.

Malik bagaimanapun memenangi acara lempar cakera dengan lemparan sejauh 43.89m tetapi ia masih belum cukup untuk melepasi had kelayakan 50.40m bagi Sukan SEA.

Romzi Bakar dari Kedah yang agak longlai prestasinya tahun ini bagaimanapun membuktikan kehebatan dengan memenangi acara 400m lelaki dengan catatan 47.32s yang juga tidak melepasi had kelayakan.

Romzi juga memungut emas dalam acara 4x100m.

Loo Kum Zee dari Perak terpaksa akur dengan kehebatan Bae Kyong Ho dari Korea Selatan. Loo yang telah melepasi had kelayakan Sukan SEA meraih perak dengan lompatan 2.15m. Bae juga melepasi ketinggian yang sama tetapi memenangi dengan kiraan balik.

Dalam ketegori wanita, peserta Thailand menceriakan hari pertama dengan mencatatkan rekod kejohanan dalam acara lontar peluru.

Carol Lucia Alfred dari Perak seperti dijangkakan memenangi acara pecut 100m tetapi catatan 12.29s kurang memuaskan.

Perak turut merangkul emas dalam acara 4x100m wanita.

-- BERNAMA

AHA MOZ